



ISTANA NEGARA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR
Web : www.istananegara.gov.my

Telefon : 03-6200 1000/
 : 03-6200 1200
Faks : 03-6205 2121

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, Januari 22, 2019 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah hari ini berkenan berangkat ke majlis Santapan Tengahari Diraja Bersama Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Asing ke Malaysia di Istana Negara.

Turut mengiring ialah KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Menteri Luar Negeri YB Dato' Saifuddin Abdullah dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri.

Menurut Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Dato' Ahmad Fadil Shamsuddin, majlis yang julung kali dianjurkan ini adalah atas inisiatif Al-Sultan Abdullah dan akan dianjurkan setiap bulan. Majlis ini akan memberi ruang bagi Baginda berdua untuk meraikan dan mengenali dengan lebih dekat para perwakilan asing yang bertugas di Malaysia dan turut mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2020.

"Yang lebih penting, majlis ini bertujuan untuk Seri Paduka Baginda bertukar pendapat dan pandangan berkenaan isu-isu semasa bersama para perwakilan asing khususnya Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC di bulan November 2020.

"Majlis ini juga turut mencerminkan usaha baik Seri Paduka Baginda untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua-hala di antara Malaysia dan negara-negara berkenaan untuk kepentingan bersama dan kesejahteraan negara serta rakyat.

Dato' Ahmad Fadil berkata bagi sesi pertama Majlis Santapan Tengahari Diraja bulanan yang berlangsung hari ini, seramai 17 para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi asing ke Malaysia serta isteri telah hadir.

Para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi asing tersebut ialah dari Republik Arzerbaijan, Romania, Mexico, Brunei, Singapura, Bangladesh, Algeria, Hungary, Zambia dan Laos.

Majlis ini bermula dengan sesi beramah mesra dan interaksi di antara Seri Paduka Baginda bersama perwakilan asing.

"Senarai jemputan perwakilan asing bagi sesi pertama ini berdasarkan kekananan (seniority) mereka atau tarikh mereka mula bertugas di Malaysia.

"Para perwakilan asing yang lain akan dijemput ke sesi bulanan berikutnya," kata Dato' Ahmad Fadil.

Dato' Ahmad Fadil berkata selain dari perwakilan asing, Seri Paduka Baginda menzahirkan hasrat untuk menganjurkan Majlis Santapan Tengahari Diraja bulanan bersama para pegawai kanan kerajaan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan dengan tujuan yang sama. Baginda turut menzahirkan bahawa perpaduan adalah teras utama keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan perlu sentiasa dipertingkat dengan memberi fokus kepada aspek kecekapan, keberkesanan dan inovasi.

Sesi pertama untuk majlis tersebut dijadualkan pada Januari 30, 2020 dengan para pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Istana Negara

22 Januari 2020

* Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Ketua Unit Komunikasi Istana Negara, En. Muzli Mohd Zin, di 019-389 7022 atau Pegawai Perhubungan Awam, En. Mohd Husni Yusop, di 012-469 7758.